


# PENDATANG TANPA IZIN DAN KESANNYA KE ATAS SOSIOEKONOMI LABUAN

Disediakan untuk



**LEMBAGA PEMBANGUNAN LABUAN**

DISEMBER 1997



**PENYELIDIK :**

**Sarma Haji M.I. Aralas (Ketua)**

BSc(Econ)(Houston, U.S.A), MA(Econ)(Houston, U.S.A)

**Wong Hock Tsen**

Bsoc.Sc(Econ) (USM), MEcon.(UKM)

**Remali Yusoff**

BA(Econ)(Karachi), MA(Econ)(Karachi), MEc(UKM)

*Universiti Malaysia Sabah  
Sekolah Perniagaan dan Ekonomi  
Tel: 088 434001 Fax: 088 433981*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

Kehadiran beramai-ramai pendatang asing di W.P. Labuan merupakan satu fenomena yang dibimbangkan akan memberi kesan-kesan negatif ke atas pembangunan Labuan sebagai satu Pusat Kewangan Pesisir Luar Antarabangsa (IOFC). Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti status keadaan pendatang asing di W.P. Labuan pada masa ini dengan mengkaji impak kehadiran pendatang asing ke atas aspek sosioekonomi Pulau Labuan, khasnya dengan mengkaji aspek-aspek ekonomi iaitu pekerjaan dan perniagaan, serta aspek-aspek sosial iaitu kesihatan, pendidikan, masalah sosial termasuk penempatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam aspek ekonomi hampir semua jenis perniagaan yang ditemuduga mengupah pekerja asing dalam menjalankan perniagaan. Sebab-sebab utama perniagaan bergantung kepada pendatang asing ialah kerana pekerja asing dikatakan lebih kuat berusaha, penduduk tempatan kurang berminat dalam kategori pekerjaan yang diceburi pendatang asing, dan upah pekerja asing adalah lebih murah. Dalam aspek sosial pula, kajian mendapati bahawa pendatang asing dikatakan memberi kesan negatif ke atas kebersihan persekitaran kawasan yang mereka duduki dan terhadap petempatan penduduk. Pendatang asing tidak dianggap sebagai memudaratkan kemudahan perkhidmatan kesihatan di W.P. Labuan walaupun hasil tunggakan tidak berbayar merupakan satu masalah kepada pihak Hospital Labuan berkaitan dengan pendatang asing yang menggunakan pusat kesihatan tersebut. Keadaan atau keseriusan masalah sosial di kalangan pendatang asing dipercayai sama saja seperti keseriusan masalah sosial di kalangan penduduk tempatan dari segi kadar kekerapan melakukan kejadian-kejadian negatif seperti pergaduhan, kecurian, dan penyeludupan. Pendatang asing tidak menganggap masalah sosial yang mereka hadapi itu sebagai membimbangkan dan mereka merasakan kehidupan mereka di W. P. Labuan adalah memuaskan dari segi ekonomi dan dari segi berkemasyarakatan dengan penduduk tempatan. Dari aspek pendidikan pula, kajian mendapati bahawa anak-anak warga asing tidak membebankan sekolah-sekolah dari segi kewangan, tetapi kehadiran mereka memberi kesan ke atas kemerosotan dalam prestasi akademik bagi setiap sekolah yang dihadiri oleh pelajar warga asing.